

TERMA & SYARAT MUALAMAT MUTUAL-i POWER COMBO

Terma dan Syarat ini bertujuan untuk dibaca bersama dengan Helaian Serlahan Produk (HSP) untuk Dana Amanah Harga Berubah Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) atau Dana Unit Amanah dan Risalah Pendedahan Produk (RPP) untuk Deposit serta Muamalat Mutual-i Power Combo ("MM-i Power Combo"), risalah, brosur atau mana-mana Terma dan Syarat yang berkaitan yang dikeluarkan oleh Bank Muamalat Malaysia Berhad ("Bank") yang mungkin dikenakan dari semasa ke semasa mengikut jenis-jenis akaun tertentu yang dibuka oleh Pelanggan:

1. MM-i POWER COMBO ("Kempen") akan bermula dari **1 Oktober 2018 sehingga diberitahu kelak** ('Tempoh Kempen')
2. Kempen ini adalah terbuka kepada semua akaun–yang layak seperti yang tertakluk dalam Terma dan Syarat ini, yang mana sentiasa berada dalam rekod kewangan yang baik semasa tempoh Kempen ini berlangsung sebagaimana yang telah ditetapkan atas budi bicara mutlak pihak Bank.
3. Kempen ini adalah terbuka untuk Dana unit Amanah Harga Berubah ASNB atau Dana Unit Amanah kepada semua pemegang akaun yang layak bersama produk yang berikut:
 - 3.1 Akaun Berjangka Tetap-i (ABT-i) Tawarruq 3 bulan
 - 3.2 Akaun Berjangka Tetap-i (ABT-i) Tawarruq 6 bulan
 - 3.3 Akaun Simpanan-i Tawarruq
 - 3.4 Akaun Semasa-i Tawarruq
4. Berikut merupakan pelanggan dan/atau badan korporat yang layak menyertai Kempen ini:
 - 4.1 Semua pemegang–akaun baharu dan sedia ada termasuk semua akaun kakitangan Bank sama ada tetap atau kontrak serta akaun ahli keluarga kakitangan Bank termasuk suami/isteri, ibu bapa dan mertua, dan lain-lain yang berkaitan.
 - 4.2 Perniagaan, persatuan, pertubuhan, perbadanan yang berdaftar atau ditubuhkan di Malaysia di bawah Undang-Undang Malaysia (sama ada pemilikan individu, pemilikan tunggal, Kelab, Persatuan, perbadanan atau perkongsian) yang merupakan pemegang Akaun Simpanan-i dan/atau Semasa-i dengan Bank semasa penyertaan ("Pemegang-pemegang Akaun").
5. Berikut merupakan jenis akaun perseorangan dan/atau korporat yang tidak layak menyertai Kempen:
 - 5.1 Pelanggan yang mana akaun atau kemudahan mereka dengan Bank telah dibekukan;
 - 5.2 Pelanggan yang mana akaun atau kemudahan mereka dengan Bank telah digantung; atau
 - 5.3 Pelanggan yang mana akaun atau kemudahan mereka dengan Bank telah ditamatkan; dan
 - 5.4 Pelanggan yang mana telah melanggar perjanjian-perjanjian lain dengan Bank.
6. Merujuk kepada klausa 5, BMMB berhak untuk menolak sebarang permohonan produk atau servis yang berkaitan dengan Kempen ini.
7. Pelaburan minima bagi Kempen ini adalah RM20,000. 50% daripada jumlah pelaburan ini akan diletakkan/diuntukkan sama ada di dalam Akaun Berjangka Tetap-i ("ABT-i"); 3 atau 6 bulan, Akaun Simpanan-i, atau Akaun Semasa-i dari tarikh penyertaan manakala baki 50% selebihnya adalah perlu dilaburkan sepenuhnya di dalam Dana Amanah Harga Berubah ASNB atau Dana Unit Amanah yang terpilih yang diedarkan oleh pihak Bank sahaja.

Contoh 1:

Pelanggan A membuat pelaburan sejumlah RM20,000 ke dalam MM-i POWER COMBO. 50% (RM10,000) akan dilaburkan ke dalam Dana Unit Amanah, manakala 50% (RM10,000) lagi akan dimasukkan ke dalam ABT-i (3 bulan) dan kadar pulangan indikatif bagi amaun ABT-i adalah berdasarkan ilustrasi di dalam klausa 8.

Contoh 2:

Pelanggan A membuat pelaburan sejumlah RM20,000 ke dalam MM-i POWER COMBO. 50% (RM10,000) akan dilaburkan ke dalam Dana Unit Amanah, manakala 50% (RM10,000) lagi akan dimasukkan ke dalam Akaun Simpanan-i yang akan diuntukkan selama 3 bulan dari tarikh kemasukan dan kadar pulangan indikatif bagi amaun akaun deposit adalah berdasarkan ilustrasi di dalam klausa 8.

Contoh 3:

Pelanggan A membuat pelaburan sejumlah RM 20,000 ke dalam MM-i POWER COMBO. 50% (RM10,000) akan dilaburkan ke dalam Dana Unit Amanah, manakala 50% (RM1,000) akan dimasukkan ke dalam Akaun Semasa-i yang akan diuntukkan bagi tempoh 3 bulan dari tarikh kemasukan dan kadar pulangan indikatif bagi amaun akaun deposit adalah berdasarkan ilustrasi di dalam klausa 8.

8. Dalam menentukan pulangan keuntungan untuk Kempen ini (bagi akaun deposit sahaja), tarikh penyertaan adalah berdasarkan kepada jenis pelaburan seperti di bawah:

Ilustrasi MUAMALAT MUTUAL-i POWER COMBO (ABT-i)				
Jumlah Amaun	Amaun ABT-i	Amaun Dana Unit Amanah/Dana Amanah Harga Berubah ASNB	ABT-i 3 Bulan	ABT-i 6 Bulan
RM 20,000.00	RM 10,000.00	RM 10,000	11.82%*	7.61%*

*Kadar indikatif tahunan adalah berdasarkan pelaburan dalam 5.00% caj jualan unit Dana Amanah Harga Berubah ASNB.

Ilustrasi MUAMALAT MUTUAL-i POWER COMBO (Akaun Simpanan-i)				
Jumlah Amaun	Amaun Akaun Simpanan-ii	Amaun Dana Unit Amanah/Dana Amanah Harga Berubah ASNB	Akaun Simpanan-i 3 Bulan	Akaun Simpanan-i 6 Bulan
RM 20,000.00	RM 10,000.00	RM 10,000	10.59%*	6.28%*

*Kadar tahunan indikatif adalah berdasarkan pelaburan dalam 5.00% caj jualan unit Dana Amanah Harga Berubah ASNB.

Ilustrasi MUAMALAT MUTUAL-i POWER COMBO(Akaun Semasa-i)				
Jumlah Amaun	Amaun Akaun Semasa-ii	Amaun Dana Unit Amanah/Dana Amanah Harga Berubah ASNB	Akaun Semasa-i 3 Bulan	Akaun semasa-i 6 Bulan
RM 20,000.00	RM 10,000.00	RM 10,000	8.86%*	4.55%*

*Kadar tahunan indikatif adalah berdasarkan pelaburan dalam 5.00% caj jualan unit Dana Amanah Harga Berubah ASNB.

9. Semua pelanggan yang telah memenuhi Terma dan Syarat serta kriteria kelayakan Kempen ini adalah wajib untuk menandatangani surat kebenaran seperti yang berikut:
 - 9.1 Surat Kebenaran untuk Dana Unit Amanah/Dana Amanah Harga Berubah ASNB dan Surat Kebenaran Tidak Boleh Mansuh (**Dana Unit Amanah/Dana Amanah Harga Berubah ASNB & ASAS**); dan/atau
 - 9.2 Surat Kebenaran untuk Dana Unit Amanah/Dana Amanah Harga Berubah ASNB dan Surat Kebenaran Deposit (**Unit Amanah/dana harga berubah ASNB & ABT-i**)
10. Kadar ABT-i adalah sah untuk penyimpanan pertama sahaja. Selepas tarikh matang ABT-i sama ada 3 bulan atau 6 bulan kadar keuntungan ABT-i akan berhenti terpakai dan kadar semasa Bank untuk ABT-i akan terpakai dan sah kepada mana-mana simpanan seterusnya.
11. Keuntungan daripada Akaun Simpanan-i/Akaun Semasa-i (ASAS) akan dikira pada setiap hari dan akan dikreditkan ke dalam ASAS pada setiap bulan. Akan tetapi, pemberian (hibah) tambahan daripada 50% yang dilaburkan ke dalam Dana Amanah Harga Berubah ASNB atau Dana Unit amanah hanya akan dikreditkan ke dalam akaun pelanggan selepas tarikh luput.
12. Dividen daripada ABT-i akan dikira dan keuntungan tersebut akan dikreditkan ke dalam ASAS pada penghujung Tempoh (tarikh luput) ABT-i. Pemberian hadiah (hibah) daripada 50% yang dilaburkan ke dalam Dana Amanah Harga Berubah ASNB atau Dana Unit Amanah hanya akan dikreditkan ke dalam akaun pelanggan selepas tarikh matang.
13. Terma dan Syarat yang khusus dan umum untuk setiap produk (ABT-i dan Dana Amanah Harga Berubah ASNB atau Dana Unit Amanah) merupakan sebahagian daripada kriteria kelayakan untuk penyertaan Kempen ini.
14. Terma dan Syarat yang khusus dan umum untuk setiap produk (ASAS dan Dana Amanah Harga Berubah ASNB atau Dana unit amanah) merupakan sebahagian daripada kriteria kelayakan untuk penyertaan Kempen ini.
15. Pelaburan dalam Dana Unit Amanah Ekuiti adalah tidak terikat kepada deposit masuk, perlindungan oleh Bank dan tertakluk kepada risiko pelaburan, termasuk kebarangkalian kerugian yang mungkin ada daripada jumlah pelaburan asal. Pemegang akaun yang layak adalah dinasihatkan untuk membaca prospektus Dana Unit Amanah Ekuiti sebelum melabur. Pemegang akaun yang layak harus mempertimbangkan semua fi dan caj yang terlibat sebelum membuat pelaburan. Prestasi terdahulu Dana Unit Amanah Ekuiti adalah bukan indikasi untuk prestasi masa hadapan dan agihan pendapatan adalah tidak dijamin. Pemegang akaun yang layak harus bergantung kepada penilaian mereka sendiri untuk menilai risiko atau merit dalam mana-mana pelaburan. Pemegang akaun yang layak yang masih ragu-ragu dengan tindakan yang sepatutnya diambil haruslah mendapatkan khidmat nasihat profesional dengan kadar segera.
16. BMMB berhak untuk membatalkan atau menuntut semula keuntungan sekiranya berlaku pengeluaran awal (sebelum tarikh matang) ABT-i dan CASA atau jika pelanggan kemudiannya didapati tidak layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini.
17. Dengan menyertai Kempen ini, pelanggan dianggap telah membaca dan memahami serta bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat BMMB yang telah ditetapkan.

18. Jika terdapat sebarang perbezaan dan percanggahan di antara versi Bahasa Inggeris dengan mana-mana bahasa yang lain terhadap Terma dan Syarat ini, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai. Jika terdapat sebarang perbezaan antara Terma dan Syarat ini dengan risalah, permasaran dan bahan promosi yang berkaitan dengan kempen atau promosinya, Terma dan Syarat ini akan diguna pakai.
19. Kempen ini tidak sah ke atas dana atau wang yang dikeluarkan daripada skim pelaburan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).
20. Pihak Bank berhak menarik balik, membatalkan, menangguhkan, melanjutkan, dan menamatkan Kempen ini dan berhak menamatkan kempen terdahulu mahupun dalam keseluruhan atau sebahagian dan BMMB berhak untuk mengubah, menambah, memansuhkan, meminda dan/atau mengubahsuai mana-mana Terma dan Syarat ini dari semasa ke semasa dengan memaklumkan kepada pelanggan melalui notis sekurang-kurangnya selama dua puluh satu (21) hari kalendar dari tarikh berkuatkuasa Terma dan Syarat baharu. Notis akan dipaparkan melalui laman sesawang BMMB iaitu www.muamalat.com.my dan/atau melalui sebarang saluran yang BMMB fikirkan wajar.
21. BMMB mempunyai hak sebagaimana yang difikirkannya perlu untuk mengubah atau menukar mana-mana Terma dan Syarat melalui notis. Terma dan Syarat mungkin berubah-ubah atau diubah oleh pihak Bank melalui paparan di laman web Bank di www.muamalat.com.my atau apa-apa cara lain yang difikirkan sesuai oleh pihak Bank. Pelanggan yang telah mengambil bahagian dalam Kempen ini adalah dianggap telah mengakses laman web Bank dan mempunyai pengetahuan dan bersetuju dengan apa-apa perubahan atau variasi kepada Terma dan Syarat. Pelanggan telah bersetuju bahawa penyertaan yang berterusan dalam kempen ini akan dianggap sebagai penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat (yang diubah atau berubah-ubah).
22. Hadiah yang tertera adalah tertakluk kepada stok yang sedia ada. Pihak Bank berhak untuk menggantikan hadiah tersebut dengan mana-mana hadiah yang mempunyai nilai yang sama jika diperlukan.